

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

PEMERIKSAAN PERAKUAN BOMBA AKAN DIJALANKAN DI BEBERAPA STESEN MRT LALUAN KAJANG & MRT LALUAN PUTRAJAYA PADA 5 DAN 6 DISEMBER 2024

SUNGAI BULOH, 3 Disember 2024 – Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) selaku pengendali perkhidmatan MRT Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya ingin memaklumkan bahawa satu Pemeriksaan Perakuan Bomba oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor (JBPM Selangor) akan dijalankan di beberapa stesen MRT Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya pada 5 dan 6 Disember 2024.

Inisiatif ini adalah hasil kerjasama bersama JBPM Selangor dan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bagi memastikan kesemua sistem pencegah kebakaran yang ada di stesen-stesen MRT ini berfungsi dengan baik sekiranya berlaku kecemasan dan mengenal pasti protokol keselamatan kebakaran yang berpotensi untuk diperbaiki.

Ini juga adalah usaha yang berterusan daripada semua pihak yang terlibat bagi menyediakan perjalanan dan persekitaran yang selamat untuk pengguna Rapid KL.

Pemeriksaan secara menyeluruh ini akan dilakukan selepas tamat waktu operasi perkhidmatan MRT iaitu bermula jam 12.00 tengah malam sehingga jam 4.00 pagi.

Berikut adalah jadual Pemeriksaan Perakuan Bomba tersebut serta stesen-stesen yang terlibat: -

Tarikh	Masa	Stesen – Stesen Terlibat
Khamis, 5 Disember 2024	12.00 tengah malam – 4.00 pagi	1. Stesen Taman Suntex 2. Stesen Sri Raya 3. Stesen Bandar Tun Hussien Onn 4. Stesen Batu 11 Cheras 5. Stesen Sungai Jernih 6. Stesen Bukit Dukung 7. Stesen Stadium Kajang 8. Stesen Kajang
Jumaat, 6 Disember 2024	12.00 tengah malam – 4.00 pagi	1. Stesen Sungai Buloh 2. Stesen Kampung Selamat 3. Stesen Kwasa Damansara 4. Stesen Kwasa Sentral 5. Stesen Kota Damansara 6. Stesen Surian 7. Stesen Mutiara Damansara 8. Stesen Bandar Utama

Penduduk yang tinggal di kawasan sekitar stesen terlibat dinasihatkan agar tidak khuatir apabila mendengar penggera kebakaran dibunyikan. Ia adalah sebahagian dari aktiviti Pemeriksaan Perakuan Bomba yang dijalankan oleh pihak operasi pada lokasi, tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas.

Bagi sebarang pertanyaan, pengguna boleh menghubungi talian khidmat pelanggan Rapid KL di 03 -7885 2585 atau merujuk pada laman media sosial Rapid KL untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd.




CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS
05 100 22000 05 100 22022
05 100 22021 05 100 22023



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS
14 104 22004 14 104 22006
14 104 22005 14 104 22007



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHSMS
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



CERTIFIED TO ISQM/EC 27001:2013
CERT. NO.: ISMS 00341



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: ABMS 00129



FIRST ORGANIZATION TO
RECEIVE FIVE ISO
CERTIFICATION
THROUGH INTEGRATED
MANAGEMENT SYSTEM
IN A SINGLE AUDIT